

Ejen kecil aktif bekal dadah

WARTAWAN SINAR HARIAN
2 OGOS 2017



Norhafizah menyerahkan cenderahati kepada Rasman sebagai penghargaan merasmikan Program Komuniti Bebas Tanpa Dadah di Dewan Felda Lok Heng Barat.

KOTA TINGGI - Mudah memperoleh bekalan, selain terdapat ejen kecil-kecilan yang aktif menjual dadah di dalam Felda antara faktor utama penagihan dadah dalam kalangan anak peneroka sukar dibendung.

Ketua Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK) Daerah Kota Tinggi, Norhafizah Mohd Arshad berkata, Felda dijadikan sebagai sasaran di kawasan luar bandar kerana mendapat permintaan yang tinggi.

Menurutnya, mengikut statistik AADK, jumlah kes berkaitan penyalahgunaan dadah di Felda dalam daerah Kota Tinggi sahaja mencatatkan 331 kes dan jumlah keseluruhan kes pengawasan AADK seramai 672 orang sehingga Jun 2017.

“Pada persepsi umum, masyarakat Felda dengan gejala dadah ini sering dihubungkaitkan. Realitinya gejala ini bukan sahaja berlaku di tanah rancangan malah turut berlaku di kawasan lain dan bandar-bandar besar.

“Pemimpin masyarakat dan komuniti jangan pernah jemu untuk terus mengambil tindakan perlaksanaan program pencegahan dadah di dalam komuniti agar masyarakat bersama-sama membantu kerajaan, Felda dan AADK membanteras gejala tidak sihat ini,” katanya ketika berucap pada Program Komuniti Bebas Tanpa Dadah di Dewan Felda Lok Heng Barat, dekat sini, baru-baru ini.

Norhafizah berkata, program berkenaan dianjurkan untuk meningkatkan pengetahuan dan kefahaman masyarakat mengenai program pencegahan dadah di dalam komuniti.

Jelasnya, apa yang lebih penting untuk memberi kesedaran kepada masyarakat Felda agar masalah penagihan dadah dapat dikurangkan.

“Community Empowerment dalam program pencegahan peringkat komuniti juga mesti ditingkatkan dalam menangani gejala penyalahgunaan dadah.

“Program pencegahan ini mesti dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan developmental dan bukannya berbentuk informatif semata-mata.

“Selain itu, masyarakat perlu memainkan peranan menjadi mata dan telinga AADK serta tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada AADK, penguat kuasa dan kerajaan sahaja,” katanya.

Terdahulu, program berkenaan disempurnakan Adun Sedili yang juga Timbalan Ketua Umno Bahagian Kota Tinggi, Rasman Ithnain.

Hadir sama, wakil Rasmi Pengarah Felda Wilayah Johor Bahru, Abdullah Ahmad; Pengarah Cure & Care Rehabilitation Centre (CCRC) Kota Tinggi, Azli Ubin; Pengurus Felda Lok Heng Barat, Ismail Sani; Ketua Kampung Felda Lok Heng Barat, Azilah Ahmad dan Ikon Antidadah Daerah Kota Tinggi, Mohd Adam Ahmad.